

20 APR 1991

FPDA jamin keamanan: PM

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pendirian Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) untuk mengekal serta meningkatkan kerjasama pertahanan serantau adalah sesuai dan perlu bagi menjamin keamanan rantau ini.

Sehubungan itu, beliau menyokong usaha FPDA bagi meneruskan perbincangan mengenai keselamatan serantau, khususnya mengekalkan keamanan di Malaysia dan Singapura.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Perdana Menteri memberitahu demikian kepada Menteri Pertahanan dan wakil pertahanan lima negara anggota

FPDA dalam satu pertemuan di Carcosa Seri Negara hari ini.

Hadir dalam pertemuan itu ialah Menteri Pertahanan Australia, Senator Robert Ray; Menteri Pertahanan New Zealand, Encik Warren Cooper; Setiausaha Rendah Negara Angkatan Tentera Britain, Earl of Arran; Menteri Kedua Pertahanan Singapura, Dr Yeo Ning Hong dan Datuk Seri Najib sendiri sebagai wakil Malaysia.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Datuk Seri Najib berkata, Perdana Menteri diberitahu oleh perwakilan bahawa perbincangan mereka mencapai kata sepakat untuk terus mengukuhkan persefahaman.

"Usaha ini perlu diteruskan kerana ia adalah kerjasama yang memberi faedah kepada Malaysia sejak 20 tahun lalu.

"Dengan ini juga, sesiapa yang hendak menggugat keamanan Malaysia dan Singapura perlu berfikir banyak kali kerana keupayaan lima anggota FPDA dalam menjamin keselamatan," katanya.

Ditanya sama ada isu empat kapal pemusnah periuk api Jepun ke Teluk dibincang dalam pertemuan itu, Datuk Seri Najib berkata, Perdana Menteri memaklumkan kepada perwakilan mesyuarat mengenai perkara itu.

Katanya, Perdana Menteri menyatakan beliau memahami hasrat Jepun,